

NO. SOALAN : 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATOO
[BATU KAWAN]**

TARIKH MENJAWAB : 18 MAC 2019

SOALAN : 46

YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menggubal Kanun Keseksaan untuk memasukkan jenayah menghendap (*stalking*) atau menggubal undang-undang yang baru dan apakah garis masa yang akan diambil untuk merealisasikan penggubalan ini serta apakah status terkini usaha Kerajaan untuk memperbaiki undang-undang sedia ada berkaitan rogol terhadap isteri.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua

1. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara sedang membuat kajian menyeluruh berhubung dengan kesalahan jenayah menghendap. Kerajaan akan mengambil kira input daripada pertubuhan bukan Kerajaan yang telah diberikan dan akan membuat pertimbangan selepas kajian menyeluruh tersebut dimuktamadkan.
2. Memandangkan kajian menyeluruh sedang dilaksanakan, buat masa ini garis masa penggubalan undang-undang tersebut masih belum dapat ditetapkan dan hasil kajian juga tidak dapat diperincikan.
3. Berkenaan dengan isu memperbaiki undang-undang sedia ada berkaitan rogol terhadap isteri, Kanun Keseksaan [Akta 574] telah dipinda untuk memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 375A mengenai kesalahan suami menyebabkan kecederaan untuk mengadakan persetubuhan dengan isteri. Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 7 September 2007.
4. Pindaan tersebut menetapkan mana-mana suami yang menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian atau kecederaan kepada isterinya atau mana-mana orang lain untuk mengadakan persetubuhan dengan isterinya boleh dipertuduh di bawah peruntukan

undang-undang yang sedia ada iaitu seksyen 375A Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara yang boleh sampai lima tahun.

Sekian, terima kasih.